

Headline	Sifar kes HIV		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	41	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	240 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,320
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,960



Sifar kes HIV

PKD digesa pergiat kempen kesedaran



Shafie (dua, kiri) membunyikan hon sambil Dr Ismail (dua, kiri) mengibarkan Jalur Gemilang sebagai isyarat pelepasan peserta mencari harta karun berkenaan.

BANTING – Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Langat disaran mencari jalan mensifarkan jumlah pesakit HIV/Aids berikutan statistik kes berkenaan mencecah 36 kes pada tahun ini.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Seri Dr Shafie Salleh berkata, pihaknya percaya statistik itu mampu diturunkan sekiranya mendapat pendedahan pihak berkenaan dalam menyampaikan maklumat.

Menurutnya, orang awam perlu diberi peluang sama ada berisiko atau tidak untuk menjalankan pemeriksaan HIV tanpa nama berserta kaunseling oleh pegawai perubatan.

“Sekiranya dapat dikesan lebih awal, pesakit akan mendapat rawatan dan sokongan menjalani kehidupan lebih

baik dan tidak menyebarkan kepada orang lain.

“Dengan adanya rujukan awal dapat mengelakkan pandangan negatif masyarakat terhadap pesakit HIV,” katanya selepas melepaskan peserta Pertandingan Mencari Harta Karun bagi menyahut saranan 10,000 Langkah Sehari di Pantai Kelanang.

Sementara itu, Exco Pemuda Umno, Datuk Megat Zulkarnain Omar Din berkata, jumlah pesakit HIV/Aids di negara semenjak mula dikesan pada 1986 sehingga 2009 adalah seramai 87,710 kes dan 13,394 kes HIV/Aids yang meninggal dunia.

Menurutnya, hampir 9 kes baru HIV dikesan setiap hari dengan anggaran 105,439 pesakit HIV yang masih hidup sama ada mereka menyedari atau tidak tahu status

mereka.

“Sebagai pemimpin kita mahu pejabat kesihatan daerah terus menganjurkan pelbagai aktiviti seperti Pemeriksaan Kesihatan, Program Jom Aktif, Kempen Jom 10,000 Langkah Sehari, Jom Kayuh sebagai galakan kepada masyarakat.

“Tidak mustahil program Jom Aktif dianjurkan akan membuka lembaran baru bagi tahun 2012 kepada masyarakat di daerah Kuala Langat dalam membendung masalah penyakit kronik dan sosial,” katanya semasa merasmikan Sambutan Hari Aids Sedunia dan Program Jom Aktif bersama PKD Kuala Langat di Pantai Kelanang.

Hadir sama pada program berkenaan Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Ismail Lasa.